

**Mendiang Subbaiyah Rakan Sekerja Yang Rajin Dalam BN - Gerakan
Bernama
18 April , 2012**

GEORGE TOWN, 18 April (Bernama) -- Pengerusi Gerakan Pulau Pinang Datuk Dr Teng Hock Nan menyifatkan kematian Pengerusi MIC Pulau Pinang Senator Datuk P.K. Subbaiyah sebagai kehilangan seorang sahabat baik dan rakan sekerja yang rajin dalam Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata mendiang seorang yang sangat berjasa kepada Pulau Pinang khususnya bagi masyarakat India kerana banyak memberikan sumbangan untuk kebajikan rakyat setempat.

"Saya dan mendiang mempunyai banyak persamaan, termasuk perbualan dalam bahasa Tamil, kami mempunyai hubungan kerja yang baik ketika sama-sama menjadi Exco sewaktu pentadbiran BN sebagai kerajaan negeri dahulu," katanya dalam kenyataan di sini pada Rabu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659953>